0298

B 0827 AAB

MAHATHIR-PULANG (BERGAMBAR) CULANGAN MENGGANTIKAN TAKE AWAL. PEMBETULAN PADA PARA ENAM) Q Q Q Q Q

I

KUALA LUMPUR, 2 FEB (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, YANG MENJALANI PEMBEDAHAN PINTASAN KORONARI DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR 10 HARI LEPAS, DIJANGKA DIBENARKAN PULANG SEHARI DUA LAGI.

PENGARAH HOSPITAL DATUK DR C. FONSEKA MEMBERITAHU PARA PEMBERITA, YANG MENGUNJUNGI PERDANA MENTERI DI WADNYA HARI INI, BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR SEMAKIN BERANSUR PULIH SEJAK PEMBEDAHAN ITU PADA 24 JAN.

KETUA PASUKAN YANG MENJALANKAN PEMBEDAHAN ITU, DR YAHYA AWANG YANG TURUT HADIR, BERKATA BELIAU AMAT BERPUAS HATI DENGAN KEMAJUAN PADA KESIHATAN PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG DUDUK DI ATAS SEBUAH KERUSI PANJANG BERSAMA ISTERINYA, KELIHATAN TERHARU DENGAN KEDATANGAN LEBIH 10 ORANG WARTAWAN DAN JURUGAMBAR.

+SAYA NAMPAK BEBERAPA MUKA LAMA,+ KATANYA.

DITANYA KEDAAANNYA, BELIAU BERKATA +SAYA RASA LEGA.+

PERDANA MENTERI JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN ITU MENGUCAPKAN +GONG XI FA CAI+ KEPADA MASYARAKAT CINA.--LAGI

1811MST 02 02 89

U B773 AAB

MAHATHIR-PULANG 2 KUALA LUMPUR Q'Q'Q'

DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MENGUCAP TERIMA KASIH KEPADA SEMUA RAKYAT MALAYSIA YANG MENDOAKAN AGAR PERDANA MENTERI CEPAT SEMBUH.

BELIAU JUGA MELAHIRKAN PENGHARGAAN KEPADA MEREKA YANG MENGHANTAR BUNGA SERTA PERUTUSAN-PERUTUSAN.

PERDANA MENTERI BERJALAN-JALAN DALAM WAD KHAS ITU DAN JUGA KELUAR KE ANJUNG.

BELIAU JUGA BERGURAU DENGAN SETIAUSAHA AKHBARNYA, ENCIK JALALLUDDIN BAHAUDDIN, DAN PARA DOKTOR YANG HADIR. -- BERNAMA

1530MST 02 02 89